Masaalah kemiskinan telah dibincang di Malaysia selama lebih dari lima puluh tahun. Di dalam kertaskerja yang saya kemukakan di Konvensyen Pertama Persatuan Ekonomi Malaysia ayang diadakan pada bulan Mac 1974, telah saya huraikan ikhtiar Za'ba di dalam tahun 1923 untuk menarik perhatian kepada kemiskinan sebagai salah satu dari masaalah pokok yang menghadapi orang Melayu.

Oleh sebab sambutan kertaskerja itu sangat menggalakkan, maka saya telah menterjemahkannya ke Bahasa Malaysia untuk diterbitkan di dalam Utusan Malaysia. Rencana itu bersama-sama dengan beberapa karya lain oleh Za'ba dan saya telahpun diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya sebagai buku yang bertajuk, "Jejak-jejak di Pantai Zaman."

Dalam rencana ini saya akan cuba menjelaskan beberapa masaalah atau issue penting berhubung dengan konsep kemiskinan desa di Malaysia pada masa ini. Pembaca mungkin sedia maklum bahawa sekarang ini istilah "kemiskinan" sudah mempunyai status atau tempat yang agak terhormat sedikit.

Zaman sepuluh tahun dahulu apabila saya bersyarah dan menulis tentang kemiskinan, saya telah dituduh sebagai pengkritik pelampau yang terikat kepada teori sahaja dan yang suka mencari fasal.

Ada pula seorang kenamaan besar VVIP yang pernah mengata, "Tidak ada kemiskinan di Malaysia! Di mana saja kita pergi, terutama di kawasan luarbandar, kita boleh lihat orang yang senantiasa tersenyum. Dalam keadaan seperti itu mana boleh ada kemiskinan?"

Professor Gunnar Myrdal yang pernah menerima hadiah Nobel bagi ilmu ekonomi, telah menerbitkan bukunya yang bertajuk "Asian Drama" (Drama Asia - suatu kajian tentang kemiskinan di negara-negara Asia) dalam tiga jilid pada tahun 1968. Kemudian beliau menerbitkan pula suatu ringkasan bertajuk, "Cabaran Kemiskinan Dunia (Challenge of World Poverty) pada tahun 1970.

Walaupun hanya sebilangan kecil saja pemimpin politik dan pegawai yang bertanggungjawab tentang penentuan dasar serta perlaksanaan halehwal negara yang penting, mungkin kenal pada karya-karya Myrdral itu, sekurang-kurangnya kesemuanya pemimpin dan pegawai tinggi itu lebih sedia menerima kenyataan bahawa kemiskinan adalah suatu masaalah yang sah ada di Malaysia.

Dalam tahun 1973, Tuan R.S. McNamara, Yang di Pertua Kumpulan Bank Dunia, telah menyatakan bahawa, "Masaalah asasi tentang kemiskinan dan perkembangan ekonomi di dalam dunia yang sedang membangun boleh dikatakan dengan mudah.

Hasil dari perkembangan itu tidak sampai ke tangan gulungan miskin dengan bahagian yang adil saksama," dan "Perbezaan pendapatan akan menjadi lebih besar jikalau tidak diambil tindakan yang akan memberikan munafaat secara langsung kepada gulungan yang paling miskin."

Dr. Kurt Waldheim, Setiausaha Agung, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah meletakkan kemiskinan sebagai masaalah pertama di dalam senarai enam perkara penting yang dihadapi oleh dunia pada hari ini.

Beliau menyatakan "Tuduhan yang paling dahsyat yang boleh dilemparkan kepada tamadun moden sezaman ialah, kemiskinan rakyat jelata yang sangat jelas pada mata dan yang meresap kemana-mana negeri. Kemiskinan itu dialami oleh dua pertiga dari jumlah penduduk dunia ini".

Yang demikian, pada masa akhir-akhir ini soal "kemiskinan" boleh dibincang di mana-mana bilik mesyuarat pun.

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975), kita diberitahu pada permulaan buku itu bahawa, "Langkah pertama ditujukan bagi mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua

rakyat Malaysia tanpa mengira kaum."

Dari kenyataan-kenyataan tersebut maka jelaslah bahawa dari tahun 1971 ke hadapan, jikalau tidak lebih awal, Kerajaan betul-betul berazam membasmi kemiskinan.

Setelah menjelaskan latar-belakang penerimaan konsep kemiskinan, sekarang saya sampai ke tema pokok bagi rencana ini. Iaitu, sifat dan konsep kemiskinan desa dan langkah asasi bagaimana kemiskinan itu boleh dikurangkan maupun dihapuskan sama sekali mengikut teori-teori saya.

Jikalau ditambah denotasi (iaitu, sifat) kemiskinan maka dengan sengaja saya telah mengurangkan konotasinya (atau lingkungannya). Umpamanya, saya membincang bukan kemiskinan secara am, akan tetapi kemiskinan desa secara khusus. Yang demikian, kemiskinan kota tidaklah termasuk di dalam penghuraian saya. Yang terkeluar itu mengandungi penghuni rumah haram, penjaja dan pekerja kilang-kilang besar dan kecil.

Mengikut banci penduduk (Lapuran Gulungan Masyarakat, 1972) 73.3% dari penduduk Malaysia tinggal di kawasan desa. Jadi, 26.7% dari penduduk Malaysia yang tinggal di bandar-bandar tidak termasuk di dalam penghuraian saya ini.

Sayugia diperhati bahawa sebahagian besar (iaitu 54.3%) dari kaum desa adalah terdiri dari orang Melayu. Jikalau dikira semua bumiputra, maka angka itu menjadi 65.7% dari jumlah penduduk desa.

Sebenarnya, penghuraian saya ini melibatkan 85% dari semua orang Melayu, oleh kerana bahagian orang Melayu sebanyak itu tinggal di kawasan desa.

Yang demikian penghuraian saya juga berthabit dengan kemiskinan orang Melayu. Yakni, kemiskinan desa adalah kemiskinan orang Melayu. Dan, kemiskinan orang Melayu terbit dari kemiskinan

desa. Berikut dengan itu maka adalah menjadi teori saya bahawa pembetulan sebenar perseimbangan ekonomi di antara berbagai kaum di Malaysia adalah bergantung kepada perkembangan pendapatan gulungan desa.

Sambil itu harus dicatit bahawa kemiskinan desa mempengaruhi juga gulungan tani bukan-Melayu, khasnya petani China yang mengeluarkan getah atau sayuran serta penghuni-penghuni "kampung-kampung baru". Gulungan-gulungan seperti itu akan mendapat munafaat secara langsung dari rancangan-rancangan umum yang bertujuan menghapuskan kemiskinan desa.

Dari itu adalah menjadi salah jikalau disangkakan perbincangan saya ini terhad seratus-peratus kepada kemiskinan gulungan Melayu di desa. Sudah tentu gulungan-gulungan itu akan menjadi pokok perbincangan oleh sebab mereka adalah gulungan yang berpendapatan paling rendah.

Tekanan kepada sifat perkauman itu ditujukan kepada orang Melayu oleh sebab mereka adalah menjadi suatu kumpulan ekonomi-sosial yang sama rupa (homogeneous) yang mengandungi lebih dari setengah dari jumlah besar penduduk desa.

Gulungan-gulungan lain memerlukan analisa ekonomi serta perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang berlainan bagi tiap-tiap gulungan kecil (sub-group). Contoh-contoh gulungan kecil yang dapat saya fikirkan sepintas lalu adalah seperti petani Teochew di Seberang Perai, beberapa kumpulan nelayan di sepanjang pantai barat Malaysia (umpama nelayan Hokchiu di Dinding), petani sayur-sayuran di Cameron Highlands dan petani nenas di selatan Johor dan pekerja-pekerja Tamil di ladang dan kampong.

Satu cara mengurangkan kesan kemiskinan desa yang tidak dibincang di sini ialah penyediaan peluang yang lebih baik untuk pekerja di sektor perusahaan kota bagi tenaga buruh desa yang sedang mengalami pengangguran tak ketara atau gunatenaga kurang penuh.

Setelah menerangkan apa yang tidak akan saya bincangkan dan apa yang sebenarnya akan saya bincangkan, sekarang sampailah kita kepada konsep pokok bagi teori saya - iaitu "kemiskinan".

Saya pernah menghadiri beberapa seminar tentang kemiskinan di Malaysia dan di Seberang Laut. Saya telah juga membaca dengan teliti kata-kata hikmat yang dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin politik kita tentang tajuk kemiskinan itu.

Pada hemat saya, perbincangan tentang kemiskinan boleh dibahagikan kepada empat sikap:

(i) Sikap yang pertama: Sungguhpun secara umum kemiskinan itu mudah dikenali, akan tetapi adalah sukar ia hendak diukur. Yang demikian kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan demi pembasmian kemiskinan tidak mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Sikap ini selalu dikaitkan dengan kenyataan yang mengatakan usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki mutu kehidupan (quality of life) adalah sama penting dengan usaha-usaha untuk menambahkan pendapatan.

Yang demikian, jikalau pendapatan purata desa tidak bertambah dengan begitu banyak, ini tidaklah boleh dijadikan alasan bahawa kemiskinan tidak dibasmikan, oleh sebab mutu kehidupan desa sedang diperbaiki dengan begitu banyak pula. Umpamanya, mutu kehidupan itu mengandungi pembaikan dan pembentukan jalan-jalan raya, balairaya, projek-projek pelajaran, kesihatan dan lain-lain.

Jikalau sikap ini menjadi ultra atau terlampau ia mudah benar tersinggung dan ia terlalu berperasaan kurang harga diri (inferiority complex), jika ia berkonferantasi dengan pihak yang menegaskan pengukuran pendapatan atau lebih khusus, pengukuran pembahagian pendapatan adalah lebih penting.

Sikap ini ada kemungkinan melakukan falasi lojik yang dikatakan reductio ad absurdum (menjadikan semuanya terlampau) dengan mengatakan, "Kita tidak boleh mengukur semua benda". Ini lazim menjadi sikap ahli politik daripada sikap ahli ekonomi. Agak saya lebih baik kalau saya hadkan komen saya setakat itu saja.

(ii) Sikap yang kedua yang menarik perhatian sekumpulan ahli ekonomi dan pakar perangka sosial bertujuan menentukan dengan cara paling objektif mungkin, suatu 'tingkatan' atau 'garisan kemiskinan'.

Semua orang yang berpendapatan di bawah garisan kemiskinan itu ditentukan atau didefinisikan sebagai mengalami keadaan kemiskinan. Pemakaian 'garisan kemiskinan' itu menghadapi beberapa masaalah bukan sahaja dari segi metode statistik akan tetapi juga dari segi ketentuan nilai (atau value judgment).

Masaalah itu datang dari pemilihan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat dibeli dengan sejumlah pendapatan yang diterima oleh orang yang terletak di atas garisan kemiskinan itu. Umpamanya, patutkah dimasukkan rokok di dalam senarai barang yang harus boleh dibeli dengan pendapatan pada garisan kemiskinan itu?

Kita tahu bahawa gulungan miskin di desa memang suka membelanjakan wang mereka untuk membeli rokok, akan tetapi memandang kepada bukti lapuran kesihatan yang mengatakan rokok itu mengganggu kesihatan dan membawa kepada penyakit badan, adakah wajar kita menggalakkan mereka membeli rokok dengan mengkelasifikasikan rokok sebagai barang perlu?

Darihal ketentuan nilai, boleh juga ditanya

adakah patut diperuntukkan sebahagian perbelanjaan bagi rekreasi (bermain sukan, melancung dll)? Dan, berapa banyakkah protein mutu baik yang patut dikirakan? Adakah kita harus mengira jumlah protein yang sedang dimakan sekarang, yang terlalu kurang, atau haruskah kita mengirakan protein itu dengan menggunakan norma (atau nisbah tertentu) penggunaan protein yang telah ditentukan oleh badan pakar seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)?

Pada hemat saya, sikap kedua ini lebih sesuai dipakai di negara-negara mewah (affluent) di mana pentadbiran welfare sudah teratur dengan luas serta mencukupi.

Di negara membangun seperti Malaysia, beberapa kesukaran politik akan timbul apabila pemimpin-pemimpin cuba menimbangkan di antara garisan kemiskinan yang cukup tinggi supaya orang biasa boleh membeli sekumpulan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang memuaskan, dengan garisan kemiskinan yang agak rendah. Iaitu yang lebih realistik ia boleh dicapai oleh sebahagian besar dari kaum pekerja. Dengan lain perkataan, jikalau garisan kemiskinan itu tinggi, sungguhpun ini akan mengharumkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa, bilangan orang yang akan terletak di bawah, malah jauh di bawah, garisan itu akan menjadi ramai. Dan bilangan yang ramai itu akan merunsingkan pemimpin politik. Sebaliknya jikalau garisan kemiskinan itu agak sederhana, maka sungguhpun jumlah "orang miskin" yang terletak di bawah garisan kemiskinan itu kecil, angka garisan kemiskinan itu membuktikan kepada orang ramai (di dalam dan di luar negeri) bahawa pendapatan purata di Malaysia tidaklah begitu tinggi. Dan barang-barang yang dapat dibeli untuk kehidupan sehari-hari akan menjadi terlalu sedikit.

Untuk menjelaskan perkara ini dengan lebih terang lagi saya boleh memberi contoh-contoh statistik.

Umpamanya, jikalau garisan kemiskinan ditentukan sebagai $250 sebulan, mungkin 80 peratus dari pekerja-pekerja dan penduduk desa di Malaysia akan jatuh ke dalam gulungan miskin, oleh sebab mereka berpendapatan kurang dari $250 sebulan.

Jikalau pula diletakkan garisan kemiskinan itu sebagai $100 sebulan, mungkin lebih dari 50 peratus orang Melayu yang bekerja di sektor desa akan terletak di atas pada garisan itu. Dan mereka tidaklah boleh dikatakan sebagai di dalam gulungan kemiskinan. Namun begitu, dari segi politik, ekonomi, sosial dan kesihatan, terpaksalah orang yang menentukan garisan kemiskinan itu menjawab pertanyaan, bagaimanakah boleh manusia sekeluarga hidup sihat dan sejahtera dengan menggunakan kumpulan barang-barang dan perkhidmatan yang dapat dibeli dengan wang $100 sebulan istimewa melihat keadaan harga barang pada hari ini? Ini juga boleh mewujudkan persoalan politik yang merunsingkan.

Saya yakin kita ada cukup ramai pakar ekonomi dan statistik untuk mereka satu garisan kemiskinan bagi Malaysia. Dan kita ada organisasi statistik yang cukup cekap untuk mengumpulkan tiap-tiap bulan butir-butir harga barang yang diperlukan. Akan tetapi, saya berasa teknik garisan kemiskinan itu tidak boleh dipakai di sini oleh sebab kesukaran-kesukaran politik yang mungkin timbul apabila ia digunakan di Malaysia.

(iii) Di dalam sikap ketiga, ahli ekonomi cuba menentukan beberapa pekerjaan atau jenis-jenis kumpulan orang yang giat di dalam lapangan-lapangan ekonomi tertentu sebagai suatu kumpulan yang ada di dalam keadaan kemiskinan. Ini adalah suatu cara yang merujuk kepada kumpulan-kumpulan atau kategori-kategori pengeluar atau pekerja yang memerlukan rancangan yang boleh meninggikan pendapatan mereka.

Akan tetapi penentuan atau definisi kumpulan-kumpulan pekerja dll itu hanya boleh diputuskan secara sabjektif (iaitu

mengikut perasaan atau sangkaan si penentu itu sendiri). Sebagai kaedah pragmatis untuk mengesankan matlamat tertentu atau rancangan pembangunan khas di dalam jangka pendek secara ad hoc, ini mungkin ada gunanya.

Namun begitu dari segi streteji jangka panjang, saya kira cara ini tidaklah wajar untuk mengatur rancangan pembasmian kemiskinan oleh kerana mungkin pengetahuan kita masih kurang lengkap tentang kumpulan-kumpulan kemiskinan. Dan cara itu terdedah kepada bahaya dari pengaruh-pengaruh sabjektif.

(iv) Sikap yang keempat mengenal kemiskinan ialah melalui ukuran perubahan di dalam pembahagian pendapatan. Cara ini memakai hanya satu jenis butir yang paling okjektif.

Iaitu: pendapatan purata yang diterima oleh suatu kumpulan yang boleh didefinisikan. Contoh-contoh kumpulan seperti itu adalah petani-petani padi amnya atau kaum nelayan di Trengganu. Jika dibandingkan cara ini dengan cara garisan kemiskinan, jelaslah masaalah-masaalah metode dapat dikurangkan sekali. Kita boleh menggunakan dua tiga teori statistik yang sudah terkenal untuk mengukur pembahagian atau penagihan pendapatan.

Seterusnya perubahan di dalam pembahagian pendapatan itupun mudah diukur dengan jelas. Perbandingan-perbandingan juga boleh dibuat untuk berbagai kumpulan atau suku bangsa atau untuk kawasan-kawasan yang berlainan atau dari masa ke masa. Bagi saya, cara ini ialah yang paling sesuai untuk dipakai di Malaysia hari ini.

Seorang peneroka di Malaysia yang mula-mula sekali memberi gambaran statistik tentang kemiskinan desa ialah Tuan Just Farland dari Norway. Beliau berkhidmat di Malaysia beberapa tahun dahulu. Oleh sebab beliau adalah seorang perunding resmi, maka kertas-kertas kerjanya berkenaan dengan pembahagian pendapatan tidak diterbitkan.

Agak saya terbitan yang paling baik yang boleh didapati oleh umum adalah monogeraf yang dikarang oleh Puan Lim Lin Lean yang bertajuk, "Beberapa Aspek Pembahagian Pendapatan di Malaysia Barat". Ini diterbitkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, dalam tahun 1971.

Seorang pakar perunding yang telah membuat sumbangan yang berguna ialah Tuan D.R. Snodgrass. Akan tetapi kebanyakan dari karyanya masih lagi tinggal di belakang tabir hawa dingin. Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 juga mengandungi beberapa data yang boleh dipakai.

Setelah mengenalkan keempat-empat sikap, sekarang biarlah saya memberi pandangan saya sendiri tentang definisi dan pengenalan kemiskinan desa.

Dalam satu kuliah perdana (lihat, 'Poverty and Rural Development in Malaysia', KEM VI 16.1.1964), saya telah mengatakan bahawa kemiskinan adalah terikat secara langsung dengan jarak atau lompang tak setara (gap of inequality) di antara dua atau lebih dari dua kumpulan penerima pendapatan. Umpamanya, kemiskinan penerima pendapatan desa dikatakan bertambah jikalau lompang atau jarak di antara pendapatan desa purata dan pendapatan kota purata menjadi lebih besar. Jikalau lompang itu menjadi lebih kecil, maka bolehlah dikatakan rancangan pembangunan desa telah berjaya di dalam perlaksanaannya.

Maka dari ini, berikutlah kenyataan bahawa ukuran-ukuran perubahan di dalam jarak di antara pendapatan purata orang Melayu dan pendapatan purata bagi orang bukan Melayu agak lebih kurang serupa dengan perubahan di dalam jarak di antara pendapatan desa dan pendapatan kota dan juga jarak di antara pendapatan pendapatan pekerja pertanian dengan pekerja perusahaan.

Jikalau kita menerima cara atau metode lompang (tak setara) pendapatan itu kita boleh kurangkan kekaburan serta

salah faham atas beberapa perkara remeh. Mengikut cara ini, yang penting bukanlah perubahan tingkatan pendapatan sesuatu kumpulan akan tetapi perubahan yang membandingkan di antara suatu tingkatan dengan tingkatan yang lain. Iaitu cara ini dipandang dari segi relatif bagi kumpulan tertentu yang diperhatikan itu.

Umpamanya, suatu contoh ringkas adalah seperti berikut: Katakanlah pendapatan purata bagi orang Melayu di kawasan desa bertambah dari $100 sebulan menjadi $125 sebulan. Ini adalah suatu tambahan pukal bersamaan dengan 25%

Akan tetapi, jikalau di dalam masa yang sama, pendapatan purata bagi orang bukan Melayu bertambah 25% juga iaitu dari $300 sebulan kepada $375 sebulan, jarak perbezaan atau lompang di antara pendapatan Melayu dan Bukan Melayu sudah bertambah dari $200 sebulan kepada $250 sebulan, iaitu tambahan + $50. Pendek kata, semakin lama pendapatan Melayu bertambah begitu, semakin besar jarak di antara pendapatan orang Melayu dan bukan Melayu.

Dalam jangka panjang, lompang tak setara atau perbezaan tak seimbang pendapatan, atau lebih mungkin, aliran lompang pendapatan, yang boleh diterima dengan tidak terlalu diprotes oleh orang berpendapatan paling kecil, iaitu orang Melayu di desa, akan menjadi kuasa ekonomi yang mempengaruhi kestabilan politik di negeri ini.

Satu dari kelebihan cara analisa lompang pendapatan ialah, ia boleh menolong pegawai-pegawai perangkaan dan pelaksana-pelaksana rancangan pembangunan desa, menjadi lebih sedar tentang kesan-kesan susunan keutamaan (prioriti) mereka di atas perbezaan pendapatan.

Contoh yang paling mudah difaham ialah katakan ada tiga jenis rancangan yang semuanya berharga satu juta ringgit. Satu rancangan ialah pembinaan padang golf, satu lagi sekim pemberian pinjaman perumahan dengan bunga yang kecil untuk pegawai

Kerajaan. Dan yang ketiga ialah penubuhan skim pemasaran hasil pertanian, lengkap dengan kilang, kenderaan, permit, lesen dengan sokongan penuh dari pihak Kerajaan.

Kita boleh lihat dengan mudah skim mana yang akan menambahkan pendapatan orang yang miskin dan yang mana akan memberi orang yang berpendapatan agak lumayan, munafaat yang lebih. Iaitu yang mana mungkin mengurangkan lompang pendapatan dan yang mana mungkin akan membesarkan lagi lompang itu.

Satu contoh lagi ialah seperti berikut. Dalam jangka pendek perbelanjaan untuk pembinaan bangunan sekolah mungkin memuaskan hati pengundi. Akan tetapi perbelanjaan yang sama mungkin lebih berkesan menambah pendapatan bekas penuntut itu jika ia dibelanjakan untuk mengubahkan curriculum (mata-pelajaran) atau cara mengajar supaya pelajar-pelajar sekolah menengah boleh menjadi lebih praktik. Iaitu pendidikannya lebih berhaluan kepada penambahan kemungkinan bekerja atau kepada kemungkinan menerima pendapatan yang lebih tinggi oleh bekas pelajar itu. Hanya sistem pelajaran seperti itu, boleh mengurangkan lompang kemiskinan di dalam jangka panjang.

Saya suka mengesyorkan supaya saban kali mungkin, di dalam taklimat dan lapuran pegawai yang menerangkan projek pembangunan serta pegawai pelaksana projek itu diwajibkan menaksir kesan projek mereka di atas pendapatan orang-orang yang terlibat di dalam rancangan-rancangan tersebut.

Dari masa ke masa pakar-pakar di peringkat pusat pula harus diwajibkan menyediakan analisa-analisa tentang aliran perubahan lompang pendapatan dengan memberi perhatian khusus kepada projek pembangunan. Dengan langkah seperti itu, kita boleh mendapat gambaran yang lebih jelas tentang perjalanan usaha-usaha pembasmian kemiskinan, istimewa di kawasan desa.

Rasa saya ada baiknya jikalau saya menerangkan dua perkara tentang pembahagian pendapatan dan pembahagian harta.

Pendapatan itu merupakan gaji, keuntungan, bunga atau sewa yang diterima oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ada orang berpendapatan $5,000 sebulan dan ada yang berpendapatan $50 sebulan. Yang kita hendak perhatikan tentang definisi kemiskinan adalah berapa peratus orang berpendapatan ribuan ringgit sebulan dan berapa yang menerima ratusan ringgit dan berapa peratus yang menerima puluhan ringgit sahaja dalam sebulan. Dari masa ke masa pendapatan masing-masing itu berubah.

Jikalau Kerajaan berjaya di dalam rancangan pembangunan ekonominya yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru, maka orang yang berpendapatan kecil (seperti puluhan ringgit sebulan) akan menerima tambahan dan jikalau mereka bernasib baik mereka akan memasuki gulungan penerima-penerima pendapatan ratusan ringgit sebulan.

Mungkin juga dengan dasar-dasar tertentu orang yang menerima ribuan ringgit sebulan boleh menerima puluhan ribu ringgit sebulan. Kita sebagai ahli analisa ekonomi mahu tahu berapa besar jaraknya di antara penerima pendapatan rendah dengan penerima pendapatan sederhana dan dengan penerima pendapatan besar. Jikalau jarak itu bertambah maka kita katakan kemiskinan pun bertambah.

Pendapatan sesuatu gulungan boleh ditambah dengan beberapa cara. Menambahkan peluang pekerjaan ke peringkat paling tinggi serta latihan termasuk perantis adalah jalan yang baik. Menambahkan peluang bekerja juga merupakan langkah yang mujarab jikalau ia dilaksanakan dengan tegas.

Di Malaysia pencari-pencari kerja menghadapi banyak halangan yang bersumberkan masaalah bahasa, adat resam, perasaan perkauman serta diskriminasi yang lazim kelihatan di negara yang sedang membangun dan sedang mengenalkan perusahaan secara besar-besaran kepada masyarakat desa.

Kita tidak harus lupa penambahan kemudahan kesihatan

dan perhubungan jalanraya dan sebagainya akan juga merupakan cara-cara mengurangkan kemiskinan.

Strateji kedua di dalam Dasar Ekonomi Baru adalah penyusunan semula masyarakat. Di sinilah kita harus faham bahawa penyusunan semula itu sebenarnya penyusunan semula peluang pekerjaan bagi orang Melayu atau Bumiputra, supaya ratusan ribuan di antara mereka boleh menambahkan pendapatan masing-masing sedikit sebanyak.

Sekarang saya hendak menarik perhatian pembaca kepada suatu perbezaan konsep yang selalu terkeliru di antara orang Melayu istimewa di antara sebilangan besar pemimpin-pemimpin kita. Kita harus boleh membezakan dengan jelas di antara konsep pendapatan (income) dan konsep harta (wealth).

Jikalau kita gunakan contoh air, perbezaan kedua konsep itu boleh menjadi jelas. Pendapatan adalah seperti air yang mengalir di dalam sungai atau paip. Ada paip berlubang besar dan ada paip berlubang kecil. Ada paip di mana airnya keluar dengan memancut dan ada yang menitik-nitik seperti nanah dari kudis. Begitulah konsep pendapatan dengan pengalirannya.

Harta merupakan air yang tertakong di dalam tempayan atau di dalam botol. Jikalau kita ambil dua/tiga timba air itu dari tempayan atau jikalau kita minum dua/tiga tegok dari botol itu, maka jumlah air yang tertinggal itu menjadi kurang. Jikalau kita isi tempayan kita dengan air yang lebih dari apa yang kita cedok keluar maka tempayan itu akan menjadi penoh. Sebaliknya jikalau kita ambil lebih dari apa yang kita isi maka tempayan itu akan menjadi kosong, kering kerontang.

Istilah harta termasuk duit kita di dalam kocek atau tempat simpanan, tanah, rumah, lembu dan alat serta jentera seperti basikal atau mesyin taip. Saham pun harta, sama seperti hak milik kita pada kereta atau tanah.

Harta merupakan setok dan pada bila-bila masa tertentu harta itupun boleh dijumlahkan nilainya. Maka pendapatan merupakan aliran dan sungguhpun jumlahnya tertentu pada tiap-tiap bulan atau tiap-tiap hari, ia harus disifatkan sebagai aliran serupa dengan air yang mengalir.

Hubungan di antara pendapatan dan harta adalah melalui simpanan. Iaitu, jikalau kita tidak menghabiskan semua pendapatan kita, tiap-tiap bulan, maka lebihan pendapatan itu (yang tidak dibelanjakan) boleh dijadikan harta. Cara pelaboran wang simpanan itu terpulanglah kepada kebijaksanaan masing-masing. Ada orang simpan wang tunai di rumah. Ada orang beli emas dan ada orang membeli lembu. DAri pelaboran, harta itu bertambah. Kemudian jikalau pelabor harta itu bernasib baik, nilai pasaran harta itu naik. Ini menambahkan jumlah nilai harta, akan tetapi tidak semestinya menambahkan pendapatan orang itu. Biasanya, penambahan harta tanah akan membawa kepada penambahan pendapatan di dalam jangka panjang.

Ada orang, istimewanya Bumiputra, mahu kaya dengan cepat. Umpamanya, mereka menggunakan perhubungan sosial atau politik untuk mendapat, katakan lesen teksi. Misalnya seorang Pak Ali-Baba mendapat sepuluh lesen teksi. Lesen itu sudah menjadi suatu harta. Beliau boleh menyewakan lesen itu kepada si Baba dan terus menerima percuma beratus-ratus ringgit sebulan dengan tidak membuat apa-apa pun. Atau ia boleh meminjam wang dari Bank Bumiputra dan membeli sepuluh buah kereta untuk dijadikan teksi. Kemudian teksi itu disewakan kepada pemandu-pemandu yang membayar katakan $30 sehari kepada pemilik sepuluh buah teksi itu. Tolak duit hutang dan perbelanjaan-perbelanjaan lain, saudagar teksi itu sudah seharusnya menerima lebihkurang $3,000 sebulan bersih dari kuasa harta lesen sepuluh buah teksi itu.

Cuba kita bandingkan contoh pembahagian harta itu dengan cara yang agak berlainan sedikit. Iaitu masing-masing driver

atau pemandu teksi diberikan lesen seorang satu. Tiap-tiap pemandu diberi pinjaman dari Bank Bumiputra dengan bunga yang lazim dikenakan. Sekarang pemandu teksi yang dahulu kena bayar $30 sehari untuk sewa, tidak payah menanggung bayaran sewa itu, dan jikalau ditolak perbelanjaannya, ia harus boleh mendapat lebih dari $300 sebulan bersih sebagai pendapatannya.

Jikalau kita taksirkan dahulu kepada peristiwa pembahagian lesen seorang satu, pemandu itu akan dapat menerima pendapatan lebihkurang $150 sebulan sahaja. Maka dengan cara memberi lesen seorang satu, kita menambahkan pendapatan sepuluh orang pemandu teksi dari $150 sebulan kepada $300 sebulan. Ini boleh dibezakan dengan Pak Ali dari Ali-Baba tadi yang menambahkan pendapatannya dari ratusan ringgit kepada $3,000 sebulan.

Contoh-contoh ini boleh memberi kita sesuatu kesan tentang sistem pembahagian harta dengan sistem penyusunan semula pendapatan perseorangan. Yang demikian soal besar bagi semua orang Melayu yang sanggup berfikir tentang perkara ekonomi ialah - yang mana lebih baik bagi bangsa Melayu keseluruhannya, dan bagi negara Malaysia pada umumnya:

(a) Membahagi harta supaya sebilangan orang boleh memilik harta yang banyak dan seterusnya boleh menerima pendapatan yang besar; atau

(b) Membahagikan semula pendapatan (istimewa termasuk peluang mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan lebih baik) supaya sebilangan besar orang Melayu atau Bumiputra boleh menerima pendapatan yang lebih lumayan sedikit.

Mungkin cara (a) akan membesarkan jarak pendapatan di antara orang Melayu sendiri sungguhpun pada jumlah besarnya

pembahagian harta bagi orang Melayu akan lebih rapat sedikit dengan peratus pemilikan harta yang dimiliki oleh orang bukan Melayu.

Cara (b) akan mengurangkan jarak pendapatan di antara orang Melayu sesama sendiri dan pada keseluruhannya di antara orang Melayu dan orang bukan Melayu.

Terpulanglah kepada pembaca budiman memutuskan yang mana lebih baik.

Sekarang saya akan menghuraikan kelebihan yang boleh didapati jika konsep kemiskinan sebagai lompang tak seimbang pendapatan itu, dikaitkan dengan tiga sebab kemiskinan yang telah saya terangkan beberapa tahun dahulu. Tiga sebab kemiskinan itu adalah pengabaian, productiviti (hasil usaha) yang rendah dan tindasan.

Saya akan catitkan sepintas lalu sejarah dasar pembasmian kemiskinan dari zaman Merdeka. Sebenarnya, sebelum Merdeka pun perhatian sudah diberikan kepada kesan pengabaian itu. Saya telah mendefinisikan "pengabaian" itu sebagai pilih kasih yang diberikan kepada kawasan bandar jika dibandingkan dengan kawasan desa di dalam pembahagian perbelanjaan Kerajaan, dan pembahagian pegawai berkelulusan serta masa yang diperuntukkan untuk menimbang masaalah pembangunan desa, iaitu pembasmian kemiskinan.

Semenjak Merdeka, pembinaan jalan raya, kemudahan letrik serta air paip memang telah dilaksanakan di kawasan desa dengan kadar yang tidak boleh dimimpikan pun pada zaman dahulu. Apabila musim pilihan raya sampai, pembinaan masjid serta balai raya (community centre) pun bertambah laju di kawaaan desa. Selepas 1969 di zaman pemerintahan NOC atau di zaman Rukunegara/ Basar Ekonomi Baru, jelaslah pembahagian perbelanjaan untuk pelajaran dan peluang untuk mendapat pelajaran yang lebih baik pun telah bertambah dengan banyak di kawasan desa.

Agak saya, kita sudah sampai kepada suatu masa bila pengabaian telah menjadi kurang penting sebagai suatu sebab kemiskinan. Namun begitu,jikalau kita lihat konferantasi kaum pelajar tak berapa lama dahulu, kenyataan itupun mungkin masih boleh dicabar.

Sungguhpun ketiga-tiga sebab kemiskinan itu terjalin rapat di antara satu sama lain, dan sungguhpun kesan dari ketiga-tiga sebab itu saling-mempengaruhi di antara satu sama lain serta bertimbun-tambah, saya menegaskan bahawa ada kaitan istimewa di antara dua sebab kemiskinan yang wajib diberi perhatian khusus. Iaitu di antara tindasan dan prodaktiviti yang rendah ada suatu perkaitan yang bukan sahaja "terikat mati" akan tetapi juga penentuan susunan, yang mana dahulu dan yang mana kemudian, juga menjadi sama penting. Saya berasa setengah-setengah pemimpin dan pegawai terlupa bahawa cara hubungan yang khusus itu mesti diawasi bila kita mengatur rancangan untuk meninggikan prodaktiviti serta rancangan yang bertujuan menghapuskan tindasan. Jikalau tidak, rancangan itu boleh gagal.

Saya akan memberi contoh-contoh yang lebih konkrit. Cuba kita fikirkan rancangan seperti rancangan untuk meninggikan prodaktiviti tanah, rancangan pemasaran yang akan memberi petani harga lebih baik, rancangan pinjaman dengan bunga yang lebih kecil dan sebagainya. Untuk meninggikan productiviti tanah, petani itu harus menggunakan benih yang lebih baik, baja kimia, ubat serangga dll. Pada lazimnya barang-barang seperti benih baik, baja atau ubat serangga itu terpaksa diambil dari pedagang yang akan membeli keluaran padi, getah dll. itu Jikalau petani itu sudah berhutang kepada pedagang itu maka ia terpaksa menjual hasil keluarannya kepada pedagang itu juga. Inilah yang dikatakan pasaran bersifat monopsoni (iaitu seorang sahaja pembeli) dan petani itu mungkin ditindas dari segi harga, timbangan serta penentuan mutu hasil keluaran itu.

Yang demikian, mungkin petani itu tidak suka menggunakan benih, baja dll itu, oleh kerana ini membawa kepada tindasan dan juga kepada bahaya berhutang. Jikalau petani sudah jatuh terhutang kepada seorang pedagang, ini boleh mengakibatkan kehilangan milik modal atau harta petani itu termasuk kerbaunya, alat pengeluarannya, malah juga tanahnya.

Begitu juga jika pegawai pertanian berjaya memujuk petani yang menyewa tanah, supaya mereka membuat parit atau pagar dengan tujuan tanahnya akan memberi hasil yang lebih atau keluarannya tidak begitu dimusnahkan oleh musuh seperti tikus atau tupai. Maka di sini bahayanya ialah tuan tanah itu boleh jadi menaikkan sewa ataupun menghalau penyewa itu supaya tuan tanah itu boleh dapat menerima penyewa baru yang akan membayar sewa yang lebih atau memberi beliau hadiah serta deposit yang tidak akan dipulang, dan lain-lain.

Jelaslah jikalau kita hendak memujuk petani itu membaiki tanahnya, kita mesti beri mereka perlindungan dari tindasan yang boleh dilakukan di atasnya oleh tuan tanah sebelum kita mempropagandakan cara-cara pertanian yang harus boleh meninggikan prodaktivitinya.

Apakah erti, "tindasan"? Dari segi definisi, tindasan adalah satu konsep, "ex post". Iaitu ia hanya boleh dikenali setelah sesuatu perkara berlaku. Umpamanya, jikalau peminjam wang dari kedai pajak kena bayar bunga 50% setahun dan jika boleh diadakan koperatif kredit di kampongnya, maka dia boleh meminjam dengan kadar bunga hanya 12% setahun, maka jelaslah sistem pinjaman kedai pajak itu bersifat penindas.

Kita boleh definisikan tindasan itu dengan membandingkan beberapa tingkatan kadar bunga itu. Di kedai pajak bunga adalah 50% dan di koperatif ia hanya 12%. Dari segi definisi, kita hanya boleh mensifatkan sistem kedai pajak itu sebagai penindas

setelah kita benar-benar melihat pinjaman yang disediakan untuk orang kampong itu dapat diadakan dengan kadar bunga 12%

Iaitu kita tidak boleh tuduh melulu suatu sistem pemasaran, peminjaman atau sewa tanah sebagai menindas melainkan kita ada bukti bahawa suatu sistem lain yang boleh menggantikannya dengan sempurna dapat di adakan. Dengan definisi seperti itu kita boleh elakkan bahaya tendensi melarat kepada fikiran ekonomi Mat Jenin. Dan jika kita menuduh suatu sistem sebagai penindas, orang lain tahu tuduhan itu berasaskan kenyataan yang sebenar.

Cara definisi itu tidak harus digunakan untuk menghalang kita daripada mencari sistem lain untuk mengganti suatu sistem yang kita syaki sebagai penindas.

Umpamanya, berbalik kepada kadar bunga di kedai pajak gadai tadi, jikalau kita fikirkan ada cara lain yang mungkin boleh diaturkan oleh Kerajaan untuk menggantikannya dan yang boleh memberi pinjaman kecil dengan kadar bunga yang sederhana ini harus ditimbangkan sebagai projek anti-tindasan.

Saya telah mengikuti langkah Kerajaan mengubahkan Bank Simpanan Pos kepada Bank Simpanan Nasional dengan penoh minat. Sekarang orang ramai digalakkan menyimpan di Bank Simpanan Nasional dengan perjanjian bahawa penyimpanan itu akan dibayarkan kadar bunga 6½% setahun atas jumlah yang tersimpan. Sebenarnya ini sama dengan mengatakan orang ramai harus meminjamkan wang mereka kepada Bank Simpanan Nasional dengan kadar bunga 6½%. Maka saya hendak mengesyorkan supaya Bank Simpanan Nasional itu harus betul-betul dijadikan sebuah bank dan ia juga memberi pinjaman kepada orang ramai dengan kadar bunga yang agak lebih sedikit (umpamanya 8% atau 9%) dari apa yang dia sendiri membayar untuk simpanan di situ. Dan Bank Simpanan Nasional ditugaskan mengambil alih peranan kedai pajak gadai di seluruh negara. Siapa hendak meminjam $10 atau $100 boleh membawa cagarannya, seperti di kedai pajak. Mereka boleh

diberi pinjaman dengan syarat-syarat lebihkurang sama dengan sistem kedai pajak itu. Hanya yang berlainan di antara kedua-dua sistem pinjaman itu ialah Bank Simpanan Nasional tidak harus mengenakan kadar bunga yang tinggi seperti apa yang dikenakan oleh kedai pajak sekarang. Inilah suatu cara mengurangkan tindasan ke atas orang ramai istimewanya golongan orang yang berpendapatan rendah.

Tambahan pula kita tahu bahawa sebahagian besar dari peminjam kecil di kawasan desa bersumberkan kedai pajak. Yang demikian kita dapat mengurangkan, secara langsung, tindasan ke atas kaum desa.

Saya rasa cara ini akan lebih meninggikan pendapatan orang miskin dari penggunaan modal Bank Simpanan Nasional itu untuk membiayai dana atau kumpulan wang untuk pinjaman bina rumah yang akan dimiliki oleh golongan berada yang berpendapatan lebih dari $500 sebulan di kawasan kota, umpamanya.

Cara-cara untuk meninggikan prodaktiviti tenaga desa serta tanah boleh dibahagikan kepada empat jenis kegiatan.

Kita perlu faham mengenai tiap-tiap satu jenis itu kerana ia ada hubungan rapat dengan nada motivasi atau keyakinan pengeluar desa samada mereka menerima, menolak atau tak pedulikan jenis kegiatan baru yang ditunjukkan kepada mereka guna meninggikan prodaktivitinya.

Keempat-empat jenis kegiatan itu ialah seperti berikut:

(i) Kegiatan yang memerlukan penanaman modal pusingan seperti penggunaan baja kimia, ubat pembunuh lalang, benih hasil tinggi, pengurusan sumber pendapatan tambahan seperti ternakan ayam atau kambing dan sebagainya.

(ii) Kegiatan yang melibatkan cara bekerja yang baru yang tidak memerlukan tambahan modal. Cara baru itu mungkin memerlukan sedikit perubahan di dalam jadual kerja pada tiap-tiap hari atau bulan ataupun tahun bagi peladang yang berkenaan. Umpamanya perubahan di dalam sistem menoreh pokok getah atau pembahagian masa nelayan di antara kegiatan menangkap ikan dan kegiatan pertanian.

(iii) Kegiatan yang memerlukan pelaboran modal yang agak besar sedikit, untuk barang-barang modal seperti trektor, rumah asap atau pagar dawai berduri, atau bertukar kepada jaring nylon, bagi nelayan.

(iv) Kegiatan yang memerlukan pelaboran modal yang sedikit tetapi yang memerlukan penggunaan tenaga yang agak besar, sekali saja, untuk membina satu barang modal besar. Umpamanya menggali kolam untuk menternah ikan air tawar atau membaiki tanah dengan menggali parit atau membuat batas atau 'terracing'.

Tentang motivasi, iaitu adakah petani akan terdorong mengikut nasihat yang dimajukan kepadanya, kita harus memperhatikan lima keadaan yang mungkin mempengaruhi petani itu:

(a) Petani itu tidak mempunyai wang simpanan atau pendapatan beliau tidak cukup untuk membiayai perbelanjaan untuk (i) di atas.

(b) Petani kurang mahir atau tidak tahu langsung tentang cara kerja untuk (ii) di atas.

(c) Petani tidak mempunyai sumber kewangan untuk depositpun bagi (iii) atau dia tidak sedia mengubah sumber tenaganya untuk mengujudkan (iv).

(d) Petani itu kolot, degil dan tidak ada pengalaman langsung tentang kegiatan yang disyorkan yang boleh meninggikan prodaktivitinya itu.

(e) Petani itu sedang ditindas oleh pedagang, peminjam wang atau tuan tanah.

Kelima-lima keadaan di atas boleh bertindih satu sama lain, (overlapping).

Pujukan serta latihan yang menjadi pokok dari ilmu mengajar atau memimpin kaum tani (extension) boleh digunakan untuk mengatasi keadaan (b) dan (d) di atas. Kemudahan kredit yang disalorkan loleh Kerajaan, melalui Bank Pertanian Malaysia, Bank Koperatif dan lain-lain perbadanan boleh disediakan untuk keperluan pelaboran modal atau pinjaman untuk menyediakan modal pusingan.

Namun begitu, jikalau petani itu sedang ditindas maka beliau tentu tidak senang memikul beban hutang atau mengerahkan tenaganya untuk kegiatan baru itu. Dari pengalaman, beliau tahu bahawa mengambil kredit atau pinjaman akan membawa kepada hutang-mati. Iaitu "indebtedness" atau hutang yang tidak dapat dijelaskan sehinggakan tanah, perkakas dan ternakan semua akhirnya terpaksa diserahkan kepada tukang pinjam wang itu oleh sebab bunganya terlalu tinggi dan dilipatgandakan sehinggakan bunga menjadi lebih besar dari pokok.

Kegiatan jenis (iii) boleh mewujudkan keadaan di mana pedagang akan cuba memancing petani dengan pinjaman yang kelihatan

ringan serta tidak berbahaya. Yang sebenarnya, pedagang itu akan membiarkan sahaja hutang itu berjalan dengan tidak meminta bayaran bunga atau pokok. Pada satu masa kemudian, jumlah bunga dan pokok itu sudah menjadi besar, ia akan mendesak petani itu dengan berbagai helah serta ancaman. Akhirnya, oleh sebab petani itu tidak berupaya membayar hutangnya maka ia terpaksa menyerahkan barang modalnya kepada tukang pinjam wang itu. Kes serupa ini berlaku bila nelayan atau pemandu trektor mengambil minyak dengan berhutang. Akhirnya penjelasan hutang duit minyak dicampor dengan bunga hutang mesin menjadi lebih dari harga membeli trektor atau motor sangkut itu. Pedagang itu mendapat hak milik barang modal dan yang dahsyat sekali, ia pula menyewakan barang itu kembali kepada petani atau nelayan itu. Iaitu pada akhirnya si pemilik asal, menyewa barangnya sendiri.

Tindasan yang pada asasnya hampir serupa jenisnya, berlaku apabila pakar pertanian berjaya memujuk petani membaiki tanahnya dengan menggali parit, membuat batas atau mendirikan pagar. Apabila tuan tanah itu melihat pembaikan-pembaikan itu dia tentu berhajat menaikkan sewa tanah. Atau dia cuba mencari jalan supaya penyewa tanah itu diusir keluar dari tanah itu.

Apabila tuan tanah menerima penyewa baru diabbboleh meminta deposit atau cagaran yang biasanya tidak dipulangkan, hadiah-hadiah serta lain-lain dari penyewa baru. Dan sudah tentu penyewa baru terpaksa membayar sewa yang lebih tinggi. Yang demikian, nyatalah apabila petani yang menyewa tanah ralat hendak memperbaiki tanah mereka untuk meninggikan prodaktiviti tanah itu, kita harus faham apa sebabnya.

Dari apa yang telah diterangkan, saya percaya pembaca boleh faham apa sebabnya kita mesti mengawal tindasan sebelum kita berikhtiar mengajar atau mempengaruhi petani untuk meninggikan prodaktiviti mereka. Dengan pendek kata, penghapusan tindasan menjadi syarat mutlak bagi peninggian prodaktiviti.

Iaitu, di kawasan di mana kita berazam mengadakan rancangan pembangunan desa, terlebih dahulu kita mesti menghapuskan tindasan yang dikenakan ke atas pengeluar-pengeluar oleh peminjam wang, pedagang dan tuan-tuan tanah. Hanya dengan cara itu baharulah boleh kita bukakan mata dan hati petani seperti kelopak bunga seroja yang terbuka sekelopak demi sekelopak di waktu subuh. Seterusnya mereka akan suka menggunakan teknik-teknik pertanian; yang baru, memakai kredit, melaborkan simpanannya dan mengatur semula cara kerja atau pembahagian tenaga mereka.

Pendeknya, kita boleh menyimpulkan bahawa ada dua kesan ekonomi yang anti-susunan semula masyarakat atau anti-pembangunan. Kedua-dua kesan itu menambahkan kemiskinan dan bukan mengurangkannya.

Kesan yang pertama ialah kesan anti-penggalakan (atau disinsentive effect). Kesan itu terbit dari kegiatan-kegiatan yang menawarkan hati atau menakutkan petani dari memakai teknoloji moden oleh kerana mereka takut beban hutang yang terlalu besar boleh menghilangkan barang modal serta tanah mereka dan menjadikannya pula hak milik peminjam wang, pedagang desa atau tuan tanah.

Oleh sebab kesan yang pertama itu bertentangan dengan penggalakan ia dikatakan "anti-penggalakan" (atau disinsentive effect) Malahan, ia menakutkan petani dari menggunakan teknoloji pertanian moden untuk meninggikan prodaktiviti mereka.

Kesan yang kedua pula bersabit dengan pembahagian semula harta, iaitu modal atau tanah di desa. Pembahagian semula itu sebenarnya memberi faedah kepada petani yang berada, pedagang dan tuan-tuan tanah dan ia merugikan petani kecil. Iaitu aliran itu membahagikan semula supaya harta petani kecil terpindah ke tangan petani besar, pedagang, tuan tanah dan sebagainya. Kesan ini saya namakan kesan penghilangan-modal (atau decapitalizing effect).

Kesan ini jelas kelihatan apabila perbelanjaan untuk mendapatkan barang modal (jentera atau baja) memerlukan pelaboran yang terlalu besar untuk ditampong oleh petani kecil. Kapitalis desa (seperti pedagang,, peminjam wang dan tuan tanah) boleh mencapai dengan cepat faedah yang didapati dari penggunaan teknik moden itu.

Biasanya mereka menjadi lebih tamak berhajat hendak mendapat milik tanah petani kecil di dalam akawasan mereka supaya barang modal (seperti trektor) itu dapat dipergunakan dengan sepenohnya. Mereka juga akan menyewakan perkhidmatan barang modal itu kepada petani kecil dan mendapat bayaran lumayan maupun hutang dari mereka itu.

Akhirnya, kegiatan itu boleh juga mendapatkan kepadanya peluang merampas hak milik tanah petani kecil itu yang tak terdaya membayar hutang mereka.

Akhirnya, selepas beberapa tahun dari pengenalannya, teknik moden itu sendiri membawa sial ke kampong oleh sebab harta petani kecil terbahagi semula kepada kapitalis kampong yang kaya. Yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin menjadi lebih miskin, akibat pengenalan teknoloji moden di kampong itu! Jikalau pengenalan itu diletakkan kemudian dari penghapusan tindasan maka kesan-kesan yang sial itu mungkin tidak akan timbul di kawasan itu.

Yang demikian dalam rancangan pembangunan ekonomi desa kita harus selalu awas tentang kesan anti-penggalakan dan kesan penghilangan-modal.

Di sini saya harus memberi amaran kepada pengkritik-pengkritik teori saya serta pembela-pembela penindas desa supaya mereka tidak melakukan falasi 'reductio ad absurdum', iaitu meng"ultra"kan teori saya itu. Umpamanya saya tidak menyatakan semua sekali tindasan mesti dihapuskan sebelum sebarang cara pengenalan teknoloji moden di bawa masuk. Saya menganjurkan

khususnya, penghapusan tindasan itu harus dijalankan dengan kecekapan dan keahlian seperti doktor bedah, satu kawasan demi satu kawasan, satu fungsi ekonomi demi satu fungsi ekonomi.

Strateji itu mesti mengirakan dengan penoh, keutamaan (prioriti-prioriti) yang berasaskan sumber tenaga mahir kerajaan, kewangannya, serta perseimbangan politik yang harus dibetulkan timbangannya pada tiap-tiap peringkat.

Setelah memberi definisi tindasan di atas, elok juga saya kemukakan sedikit huraian tentang konsep tindasan itu. Lagi sekali, saya tegaskan bahawa kita harus bergerak dengan sikap objektif yang rapi supaya kita boleh mewujudkan satu definisi yang cukup logis.

Kita sedang memikirkan tindasan di kawasan desa. Kita menggunakan istilah tindasan untuk mensifatkan empat jenis hubungan ekonomi yang wujud apabila beberapa sifat dipenuhi. Empat jenis hubungan itu ialah seperti berikut:-

(i) Hubungan pedagang dengan petani

Pedagang itu membeli hasil keluaran petani seperti getah, kelapa, ikan, atap dan lain-lain. Pedagang juga menjual barang-barang keperluan sehari-hari seperti gula, susu, minyak tanah dan lain-lain kepada petani. Satu daripada sifat tindasan perhubungan ini ialah lazimnya ia menjadi monopoli (iaitu seorang sahaja menjadi penjual) dan monopsoni (iaitu seorang sahaja menjadi pembeli).

Apabila seorang sahaja menjadi pembeli atau penjual, ini bermakna tidak ada persaingan di antara pembeli-pembeli atau penjual-penjual keseluruhannya. Yang demikian, pemonopoli itu boleh meletakkan harga ikut suka hatinya. Di sinilah timbul aliran tindasan. Kerapkali di kampong pembeli juga memain peranan

penjual. Yang demikian pemonopoli juga memainkan peranan pemonopsoni. Bila kedua-dua peranan ini dapat dimainkan inilah yang dikatakan peranan M-M. (atau monopoli-monopsoni).

(ii) Hubungan si peminjam wang iaitu orang yang meminjamkan wang, dengan si peminjam wang.

Hubungan ini juga dinamakan kredit, iaitu pinjaman. Pada umumnya harga pinjaman atau 'bunga' adalah terlalu tinggi dalam ekonomi desa. Kaum tani terpaksa meminjam dengan bayaran bunga 50% hingga 120% setahun. Ini jelas kelihatan sebagai tindasan apabila kita membandingkannya dengan wang pinjaman rumah atau kereta yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan (umpamanya 4% setahun) atau pinjaman bank atas overdraft lebihkurang 11% setahun atau pinjaman dari bank koperatif 14% setahun.

Melalui sistem padi kunca, bunga itu biasanya hampir 100% setahun. Kadar tindasan akan bertambah apabila si M-M juga memberi pinjaman wang.

(iii) Hubungan tuan tanah dengan penyewa tanah

Lazimnya penyewa tanah kena bayar sewa yang lebih tinggi dari apa yang dibenarkan oleh undang-undang. Katakanlah undang-undang menghadkan sewa tanah padi kepada $150 seekar setahun. Jikalau penyewa terpaksa membayar sewa sebanyak $250 seekar setahun kepada tuan tanah, ini merupakan hubungan yang bersifatkan tindasan.

Tuan-tuan tanah yang mengambil cengkeram atau deposit yang tidak boleh diambil balik, juga menindas. Sudah tentu, semua bayaran zakat atas keluaran padi dikenakan kepada penyewa tanah. Ini merupakan

tambahan beban tindasan di atas petani yang berpendapatan paling rendah itu.

(iv) Hubungan majikan dengan pekerja

Biasanya bayaran gaji atau sistem bagi-dua atau sepertiga dan sebagainya, di dalam ekonomi kampong adalah lebih kecil jumlah wangnya dari bayaran yang diberi oleh estet-estet kepada pekerja estet walaupun tugas kerja itu hampir sama.

Kementerian Buruh tidak mengawal pekerja kampong di ladang-ladang kecil dan undang-undang tentang perlindungan buruh tidak diberikan kepada beribu-ribu pekerja Melayu sungguhpun keadaan ekonomi mereka jauh lebih buruk dari keadaan di estet.

Kesimpulannya, ialah keempat-empat perhubungan itu mungkin mewujudkan keadaan tindasan di atas petani dan pekerja di sektor desa.